



# KOPI PAHIT

**Terbit** daripada bidasan Tuan Lee Kuan Yew di dalam majlis Mesyuarat Undangan Singapura berkenaan dengan “memberi suap politik” yang terbit daripada pilihan raya kecil di Tanjung Pagar maka suatu penyiasatan akan diadakan kerananya. Tuan Lee Kuan Yew rupanya hanya nampak perkara yang berlaku di Tanjung Pagar sahaja tetapi ada lagi perkara yang boleh disifatkan “makan suap siasah” (*political corruption*) yang lebih dahsyat patut diperhatikannya iaitu kerana harapan untuk mendapat suara di dalam pilihanraya kerajaan campuran yang ada sekarang membuat undang-undang memaksa majikan-majikan kecil dengan tidak menaruh sedikit belas kasihan pun membayar *provident fund*, memberi cuti tahunan, mengurangkan jam-jam bekerja dan seumpamanya dengan tidak memerhatikan dan memikirkan kesusahan-kesusahan yang diderita oleh perusahaan-perusahaan kecil itu. Tidakkah ini satu “makan suap” supaya buruh mengutamakan kerajaan campuran yang Parti Barisan Buruh menjadi tulang belakangnya?

Mudah-mudahan Tuan Lee Kuan Yew nampak hal ini dan membawanya ke Majlis Mesyuarat Undangan.

\* \* \*

Lantikan Menteri Besar Perak sebagai ganti Dato Gantang yang diberikan kepada pihak Perikatan, A. Ghazali Jawi itu telah menjadikan suatu perhatian orang ramai. Orang ramai sekarang telah nampak bahawa “Parti Lain” sudahpun dijalankan kerana orang-orang yang berpengalaman dikebelakangkan. Kalau cara ini dijalankan

maka berjaga-jagalah kita kerana kelak banyak jawatan-jawatan yang dipegang oleh orang-orang yang bukan ahlinya – tidak ada pengalaman di dalam pertadbiran negeri.

\* \* \*

Panggilan “saudara” dan panggilan “bung” telah dilarang digunakan oleh juruhebah-juruhebah Radio Malaya seperti yang dikeluarkan oleh A. Dol Ramli Penyelia Radio Malaya bahagian Melayu. Kata-kata penting, tanggal dan seumpamanya yang berbau Indonesia itu sedap-dapatnya jangan digunakan. Bagaimana kelak perintah ini kepada angkatan-angkatan muda tidaklah diketahui tetapi langkah membersihkan bahasa Melayu dengan kaedah Semenanjung sebenarnya bolehlah dipandang sudah terlambat sebab pengaruh bahasa Indonesia sudah berurat berakar di sini. Lihat sahaja dalam pameran buku-buku – orang-orang kita lebih mengutamakan buku-buku Indonesia daripada buku-buku keluaran Malaya.

\* \* \*

*Fun fair* anjuran Parti Rakyat telah diadakan di Geylang. Di sana telah diadakan juga pameran buku-buku – langkah ini baik tetapi seperkara yang mendukacitakan bahawa tempat buku-buku Indonesia diutamakan sedang tempat buku-buku Melayu – jauh di tepi-tepi. Apakah ada di sana sifat tidak mengutamakan penerbitan bangsa sendiri sekalipun masih kurang lagi mutunya?

\* \* \*

Dato’ Abdul Razak menyatakan bahawa taraf pelajaran-pelajaran agama sejajar dengan perkembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Mudah-mudahan akuan yang demikian ini akan dapat dijalankan – jangan kelak ia sebagai pemanis sahaja kerana orang ramai masih ragu-ragu adakah dapat diluaskan pelajaran-pelajaran agama selagi kuasa-kuasa masih terletak di tangan Sultan-sultan Melayu?

- Cemeti al-Farouk